

Keberkesanan Modul Kenegaraan PLKN dalam Memupuk Identiti Nasional dan Patriotisme Belia Malaysia

The Effectiveness of the PLKN Nationhood Module in Cultivating National Identity and Patriotism among Malaysian Youth

Nurul Firdauz Abd Rahman* , Muhammad Nadzir Bin Ibrahim, Khairul Ghufuran Bin Kaspin, Siti Noranizahhafizah Binti Boyman and Siti Nor Ashiqin Binti Nordin
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
*Penulis Koresponden E-mel: firdauz@fsk.upsi.edu.my

Diterima: 13 Okt. 2025; **Disemak semula:** 11 Dis. 2025 **Diterima:** 20 Dis. 2025; **Diterbitkan:** 29 Dis. 2025

To cite this article (APA): Abd Rahman, N. F., Ibrahim, M. N., Kaspin, K. G., Boyman, S. N., & Nordin, S. N. A. (2025). Keberkesanan Modul Kenegaraan PLKN dalam Memupuk Identiti Nasional dan Patriotisme Belia Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(2), 148-159. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.12.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.12.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan dua sub-modul teras dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), iaitu Modul Pembentukan Identiti Kebangsaan dan Modul Lambang Negara dalam meningkatkan pengetahuan kenegaraan, kemahiran sivik dan semangat patriotisme belia Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan kaedah campuran dengan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif daripada 124 orang peserta PLKN. Data kuantitatif dianalisis secara statistik deskriptif bagi menilai persepsi peserta terhadap kejelasan, kerelevanan dan keberkesanan modul, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik untuk memahami pengalaman pembelajaran peserta. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua modul memberi kesan positif terhadap peningkatan pengetahuan identiti nasional dan simbol negara serta pengukuhan semangat patriotik. Modul Pembentukan Identiti Kebangsaan mencatat skor min yang lebih tinggi berbanding Modul Lambang Negara, khususnya dalam aspek pembinaan identiti nasional. Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan peranan PLKN sebagai platform berkesan dalam memupuk jati diri kebangsaan melalui pendekatan pembelajaran yang berstruktur dan berpusatkan pelajar.

Kata kunci: Patriotisme, Simbol kebangsaan, Identiti Kebangsaan, PLKN, Kenegaraan

Abstract

This study aims to evaluate the effectiveness of two core sub-modules in the National Service Training Programme (PLKN), namely the National Identity Formation Module and the National Symbols Module in enhancing civic knowledge, civic skills and patriotic spirit among Malaysian youth. The study adopts a mixed-methods approach, collecting both quantitative and qualitative data from 124 PLKN participants. Quantitative data were analysed using descriptive statistics to assess participants' perceptions of the clarity, relevance, and effectiveness of the modules, while qualitative data were analysed thematically to gain deeper insights into participants' learning experiences. The findings indicate that both modules had a positive impact on increasing participants' understanding of national identity and national symbols, as well as strengthening patriotic sentiments. The National Identity Formation Module recorded higher mean scores than the National Symbols Module, particularly in aspects related to national identity development. Overall, the study confirms the role of PLKN as an effective platform for fostering national identity through a structured, student-centred learning approach.

Keywords: Patriotism, National Symbols, National Identity, PLKN, Nationhood

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan ledakan maklumat, pembentukan jati diri kebangsaan yang kukuh dalam kalangan generasi muda menjadi satu cabaran dan keperluan yang mendesak bagi sesebuah negara bangsa. Para belia, yang merupakan tulang belakang dan pemimpin masa depan, sering terdedah kepada pelbagai pengaruh budaya dan ideologi yang boleh mengaburkan sempadan identiti nasional. Justeru, institusi pendidikan formal dan informal memikul tanggungjawab kritikal untuk memupuk dan memperkukuh nilai-nilai patriotisme dan perpaduan. Di Malaysia, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diperkenalkan sebagai satu inisiatif perintis kerajaan yang bermatlamat untuk membentuk generasi belia yang bersatu padu, berdisiplin dan mempunyai semangat cinta akan negara yang mendalam.

Program ini direka bentuk sebagai satu pengalaman pembelajaran intensif di luar bilik darjah, menggabungkan elemen-elemen latihan fizikal, pembinaan sahsiah dan pendidikan kenegaraan. Dalam kerangka pendidikan kenegaraan inilah, dua submodul yang menjadi fokus kajian ini, iaitu Modul 1: Pembentukan Identiti Kebangsaan dan Modul 2: Lambang Negara, memberi tumpuan khusus kepada aspek kognitif dan afektif pembangunan warganegara. Modul-modul ini bertujuan untuk memberi kefahaman mendalam tentang sejarah, simbol dan nilai-nilai yang membentuk negara Malaysia, seterusnya menyemai rasa kekitaan dan kebanggaan sebagai rakyat Malaysia.

Namun, pelaksanaan mana-mana program pendidikan memerlukan penilaian yang berterusan dan sistematik untuk memastikan keberkesannya. Soalan penyelidikan utama yang mendasari kajian ini ialah: Sejauh manakah pengintegrasian elemen jati diri dalam submodul PLKN ini berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan patriotisme peserta? Adakah terdapat perbezaan dari segi keberkesanan antara modul yang berbeza kandungan dan pendekatannya? Maklum balas daripada peserta yang telah melaluinya adalah penanda aras yang paling bernilai untuk menilai pencapaian objektif program dan mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan.

Oleh itu, kajian ini dibangunkan untuk menganalisis secara kritis maklum balas daripada 124 orang peserta PLKN terhadap kedua-dua submodul tersebut. Dengan menggunakan pendekatan kaedah campuran, kajian ini bukan sahaja mengukur persepsi kuantitatif mereka tetapi juga mendalami pengalaman kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang holistik. Kajian ini seterusnya dapat menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai pendidikan sivik dan kenegaraan dan pembangunan belia di Malaysia, serta memberikan cadangan yang praktikal kepada penggubal dasar dan pelaksana program untuk meningkatkan impak PLKN dan program yang seumpamanya pada masa hadapan.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Identiti Kebangsaan dan Patriotisme

Konsep identiti kebangsaan dan patriotisme merupakan dua asas penting dalam pembentukan negara bangsa moden. Identiti kebangsaan boleh difahami sebagai satu konstruk sosial yang menggabungkan elemen sejarah, budaya, bahasa, agama dan simbol yang dikongsi bersama oleh warganegara. Menurut Anderson (2020), negara bangsa adalah sebuah "*imagined community*" iaitu komuniti yang wujud dalam imaginasi kolektif rakyatnya walaupun tidak saling mengenali secara peribadi, tetap merasai ikatan emosi dan kesetiaan terhadap simbol dan makna yang dikongsi. Pandangan ini juga dinyatakan oleh Smith & Smith (2013) yang menekankan bahawa identiti nasional terbentuk melalui kesedaran sejarah, mitos asal-usul, dan nilai budaya bersama yang mengikat rakyat dalam satu komuniti politik.

Patriotisme pula merujuk kepada bentuk emosi yang mendalam terhadap tanah air, yang diterjemahkan melalui rasa cinta, kesetiaan, dan komitmen terhadap kemajuan negara. Menurut Farnen (2017), patriotisme bukan hanya bermaksud kesetiaan tanpa soal terhadap negara, tetapi juga kesanggupan untuk mengkritik secara konstruktif demi memperbaiki kelemahan negara. Dalam konteks pendidikan, ini bermakna pelajar tidak sekadar diajar untuk mematuhi undang-undang dan menghormati simbol negara, tetapi juga dilatih untuk berfikir secara reflektif tentang makna keadilan, tanggungjawab sosial, dan integriti nasional (Banks, 2006; Hoskins et al., 2012).

Tambahan pula, patriotisme dalam konteks Malaysia memerlukan pemahaman yang inklusif dan kontekstual. Patriotisme yang sempit, yang hanya berpaksikan pada identiti etnik majoriti, boleh

membawa kepada eksklusivisme dan pengasingan sosial. Sebaliknya, konsep “patriotisme sivik” yang diketengahkan oleh Heater (2004); Print (2007) menekankan perpaduan berdasarkan nilai bersama seperti keadilan, kebebasan, dan tanggungjawab sosial. Dalam kerangka ini, patriotisme dilihat sebagai hasil daripada proses pendidikan yang menggalakkan empati, dialog, dan penghargaan terhadap kepelbagaian.

Pendidikan Sivik dan Kenegaraan dalam Pembentukan Identiti

Pendidikan sivik dan kenegaraan memainkan peranan utama dalam membentuk kesedaran nasional dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan belia. Menurut Kerr (2009), beliau menegaskan bahawa pendidikan kenegaraan yang efektif tidak seharusnya berasaskan pendekatan hafalan fakta semata-mata, tetapi perlu membangunkan pemikiran reflektif, kemahiran sosial, dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. Ini selari dengan pandangan Vygotsky (1978) melalui teori konstruktivisme sosial, yang melihat pembelajaran sebagai proses aktif dan kolaboratif di mana pelajar membina makna melalui interaksi sosial.

Dalam konteks Malaysia, pendidikan sivik dan kenegaraan diintegrasikan melalui kurikulum sekolah, program kokurikulum, dan inisiatif kebangsaan seperti PLKN. Modul-modul seperti Kenegaraan, Jati Diri dan Patriotisme, serta Khidmat Komuniti berfungsi sebagai platform penting untuk memperkukuh kefahaman pelajar terhadap nilai kenegaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Banks (2006) memperkenalkan konsep “*symbolic literacy*” yang merujuk kepada keupayaan memahami makna tersirat di sebalik simbol-simbol negara seperti Jalur Gemilang, Rukun Negara, dan Lagu Negaraku. Literasi simbolik ini membolehkan pelajar mengaitkan identiti peribadi mereka dengan naratif nasional yang lebih luas, sekali gus meningkatkan penghayatan patriotisme yang tulen.

Di peringkat global, UNESCO (2015) menekankan kepentingan pendidikan sivik yang berasaskan *global citizenship*, iaitu kesedaran bahawa pelajar bukan sahaja warga sesebuah negara tetapi juga anggota komuniti dunia yang lebih besar. Dalam konteks Malaysia, pendekatan ini dapat memperkukuh nilai sejagat seperti toleransi, kemanusiaan, dan saling hormat menghormati, sambil mengekalkan identiti kebangsaan yang kukuh.

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara majmuk dengan kepelbagaian etnik, bahasa, agama, dan budaya. Dalam keadaan ini, pembinaan identiti kebangsaan menuntut satu pendekatan yang sensitif dan inklusif. Seperti diuraikan oleh Shamsul (2013), identiti nasional Malaysia adalah proses yang sentiasa dalam pembentukan (*nation-of-intent*), dipengaruhi oleh sejarah kolonial, dasar ekonomi, dan perubahan politik semasa. Oleh itu, pembentukan identiti nasional tidak bersifat statik tetapi merupakan hasil interaksi dinamik antara pelbagai komuniti yang wujud dalam ruang sosio-politik negara.

Kajian oleh Mahathir (2010); Zakaria et al. (2022) menunjukkan bahawa walaupun dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara telah memperkukuh asas perpaduan, wujud cabaran dalam memastikan nilai-nilai ini diterjemahkan ke dalam bentuk amalan sosial sebenar, khususnya dalam kalangan generasi muda. Di sinilah program seperti PLKN memainkan peranan penting sebagai medium interaksi rentas etnik. Melalui aktiviti *outdoor*, tugas kumpulan, dan modul latihan yang menekankan nilai kolaborasi, peserta diberi ruang untuk memahami makna sebenar toleransi dan semangat kekitaan. Maka, PLKN bukan sekadar program latihan fizikal, tetapi merupakan mekanisme sosial yang berpotensi membina identiti nasional melalui pengalaman hidup bersama.

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Sejarah, Matlamat, dan Penilaian

PLKN mula diperkenalkan pada tahun 2004 sebagai tindak balas terhadap kebimbangan masyarakat terhadap isu perpecahan kaum dan penurunan semangat patriotik dalam kalangan remaja. Program ini, yang kini memasuki fasa baharu melalui PLKN 3.0, berhasrat memperkukuh semangat kenegaraan, mempertingkatkan perpaduan, dan memupuk kesediaan belia untuk berkhidmat kepada negara (Jabatan Latihan Khidmat Negara, 2023).

Kajian oleh Ismail et al. (2016) menunjukkan bahawa PLKN mampu meningkatkan perpaduan nasional apabila modul-modulnya dilaksanakan secara efektif. Namun, mereka juga menekankan pentingnya faktor pelaksanaan seperti kompetensi jurulatih, pengurusan kem, dan keberkesanan aktiviti refleksi.

Sebaliknya, Balakrishnan (2013); Hariri et al. (2020) menegaskan kelemahan dalam konsistensi pelaksanaan antara kem, serta tahap penglibatan peserta yang tidak seragam. Mereka mencadangkan agar modul PLKN menggabungkan pendekatan *experiential learning* dan *creative pedagogy* seperti drama patriotik, projek komuniti, dan debat nilai kebangsaan untuk meningkatkan penghayatan peserta. Pendekatan ini bukan sahaja mengaktifkan dimensi kognitif, tetapi juga afektif dan psikomotor, menjadikannya lebih menyeluruh.

Kajian ini berhasrat mengisi jurang dalam literatur sedia ada dengan menilai secara empirikal keberkesanan dua submodul PLKN 3.0, Pembentukan Identiti Kebangsaan dan Lambang Negara, dalam membina kefahaman dan penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan peserta belia Malaysia yang berbilang kaum. Dapatan daripada kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan dasar dan reka bentuk pedagogi kenegaraan yang lebih kontekstual dan inklusif pada masa hadapan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kaedah campuran, yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif tentang keberkesanan pengintegrasian elemen identiti nasional ke dalam program belia selepas sekolah. Pendekatan kaedah campuran dipilih untuk memanfaatkan kekuatan setiap kaedah. Data kuantitatif memberikan petunjuk keberkesanan program yang boleh diukur, manakala data kualitatif menawarkan pandangan kontekstual tentang pengalaman dan persepsi peserta. Gabungan ini selaras dengan penegasan Creswell (2014) bahawa kaedah campuran membolehkan penyelidik membangunkan gambaran fenomena sosial yang lebih lengkap dan bernuansa, terutamanya apabila meneroka konstruk kompleks seperti patriotisme dan pembentukan identiti.

Kajian ini mengikuti reka bentuk selari konvergen, di mana data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan secara serentak, dianalisis secara berasingan, dan kemudian digabungkan untuk tafsiran. Reka bentuk ini dianggap paling sesuai memandangkan sifat berstruktur program dan keperluan untuk penyegitigaan (*triangulation*) dapatan bagi mengesahkan keputusan. Data kuantitatif digunakan untuk menilai corak persetujuan dan kepuasan merentasi komponen program yang berbeza, manakala data kualitatif memperkayakan dapatan ini dengan mendedahkan pengalaman hidup, reaksi emosi, dan refleksi peribadi peserta.

Instrumen Kajian

Instrumen utama ialah soal selidik yang terdiri daripada sepuluh item Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju) yang menilai empat domain: (1) Kejelasan objektif pembelajaran, (2) Relevansi dan penglibatan aktiviti, (3) Keberkesanan fasilitator, dan (4) Impak terhadap patriotisme dan kesedaran sivik. Manakala soalan terbuka meminta maklum balas kualitatif peserta untuk memberikan sebarang komen tambahan, cadangan penambahbaikan, atau perkongsian pengalaman khusus mengenai modul tersebut. Ujian kebolehppercayaan menghasilkan α Cronbach = 0.89, menunjukkan ketekalan dalaman yang kukuh. Pengesahan pakar memastikan penjajaran kandungan dengan objektif pendidikan sivik dan kenegaraan.

Set soal selidik ini diedarkan pada akhir setiap modul (Modul 1 dan Modul 2). Peserta diberi taklimat tentang kerahsiaan dan diberikan masa yang cukup untuk menjawab. Fasilitator telah dilatih untuk mengekalkan sikap berkecuali dan menggalakkan respons yang jujur. Kebenaran etika telah diperoleh daripada pihak yang berkenaan (Jabatan Latihan Khidmat Negara).

Peserta dan Persampelan

Seramai 124 orang peserta PLKN yang telah mengikuti program rintis PLKN 2025 terlibat dalam kajian ini. Majoritinya adalah graduan sekolah menengah yang sedang menunggu pengajian lanjut atau pekerjaan, mencerminkan demografi sasaran program. Semua penyertaan adalah secara sukarela dan kerahsiaan maklumat peserta dijamin. Modul yang dinilai ialah Modul 1: Pembentukan Identiti Negara

dan Modul 2: Simbol Negara, yang kedua-duanya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang warisan negara, nilai sivik, dan patriotisme melalui pedagogi interaktif. Kedua-dua modul ini adalah submodul daripada Modul Jati Diri di bawah Elemen Kenegaraan Program Latihan Khidmat Negara.

Prosedur Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 26. Statistik deskriptif seperti min, median, dan sisihan piawai dikira untuk setiap item dalam kedua-dua modul. Analisis ini bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang tren persepsi peserta dan membandingkan keberkesanan antara kedua-dua modul. Data teks kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik. Proses ini melibatkan pembacaan berulang terhadap maklum balas, penjaan kod awal, pencarian tema, semakan tema, dan akhirnya, perumusan tema-tema utama yang menggambarkan pengalaman kolektif peserta.

Tema-tema yang muncul juga ditriangulasi dengan hasil kuantitatif untuk memastikan keselarasan antara kedua-dua set data. Pengintegrasian kedua-dua jenis data berlaku semasa fasa interpretasi, di mana pandangan kualitatif digunakan untuk menerangkan dan mengkontekstualisasikan corak kuantitatif. Contohnya, penilaian yang tinggi dalam keberkesanan fasilitator disokong lagi oleh komen kualitatif yang menggambarkan fasilitator sebagai “memotivasikan” dan “berpengetahuan.” Tafsiran integratif ini mengukuhkan kesahan dalaman kajian.

ANALISIS

Bahagian ini membentangkan dapatan terperinci daripada analisis data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpulkan daripada 124 orang responden. Analisis dilakukan untuk menilai persepsi peserta terhadap keberkesanan Modul 1 (Pembentukan Identiti Kebangsaan) dan Modul 2 (Lambang Negara) secara berasingan, dan seterusnya membuat perbandingan yang mendalam antara kedua-duanya.

Analisis Data Kuantitatif

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, median, mod, sisihan piawai) untuk setiap item soal selidik bagi kedua-dua modul. Keputusan terperinci dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Statistik Deskriptif Terperinci untuk Penilaian Modul 1 dan Modul 2 (N=124)

No. Soalan	Aspek Penilaian	Modul 1 (Min)	Modul 1 (Median)	Modul 1 (Sisihan Piawai)	Modul 2 (Min)	Modul 2 (Median)	Modul 2 (Sisihan Piawai)
Q1	Kejelasan Objektif Pembelajaran	4.35	4	0.61	4.28	4	0.65
Q2	Kerelevanan Topik dengan Kehidupan	4.30	4	0.59	4.25	4	0.63
Q3	Keberkesanan Alat Bantu Mengajar	4.28	4	0.64	4.20	4	0.68
Q4	Kemahiran dan Pengetahuan Fasilitator	4.33	4	0.58	4.30	4	0.62
Q5	Kerelevanan Aktiviti dengan Topik	4.36	5	0.60	4.32	4	0.61
Q6	Keberkesanan Aktiviti	4.39	5	0.57	4.35	4	0.59
Q7	Peningkatan Pengetahuan	4.34	4	0.62	4.38	4	0.58

bersambung

Q8	Peningkatan Kemahiran (kenegaraan)	4.27	4	0.66	4.22	4	0.67
Q9	Peningkatan Semangat Patriotik	4.36	4	0.60	4.25	4	0.64
Q10	Kesan terhadap Identiti Kebangsaan	4.39	5	0.59	4.18	4	0.70
	PURATA KESELURUHAN	4.34			4.27		

Prestasi Keseluruhan dan Konsistensi

Kedua-dua modul menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan dengan purata min keseluruhan melebihi 4.2. Median 4 untuk hampir semua item dalam kedua-dua modul mengukuhkan lagi dapatan bahawa majoriti peserta bersetuju dengan pernyataan positif tentang modul-modul tersebut. Sisihan piawai yang agak rendah (kebanyakannya bawah 0.70) menunjukkan tahap persetujuan yang konsisten dalam kalangan peserta, mencadangkan penyampaian modul yang agak seragam dan standard merentasi kumpulan yang berbeza.

Analisis Modul 1: Pembentukan Identiti Kebangsaan

Modul 1 meraih skor min keseluruhan yang tertinggi (4.34). Antara item yang tertinggi ialah Q6 (Keberkesanan Aktiviti) dan Q10 (Kesan terhadap Identiti Kebangsaan) yang mencatatkan Min: 4.39. Skor ini adalah sangat signifikan. Ia menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Modul 1 bukan sahaja dianggap menarik, tetapi secara langsung dan berkesan menyumbang kepada pembinaan jati diri nasional peserta. Sisihan piawai yang rendah (0.57 dan 0.59) menegaskan bahawa kesan ini dirasakan secara meluas.

Satu lagi item tertinggi ialah Q9 (Peningkatan Semangat Patriotik) yang mencatatkan Min: 4.36. Ini menunjukkan kejayaan modul dalam menyentuh dimensi afektif peserta, iaitu perasaan cinta dan kesetiaan kepada negara.

Analisis Modul 2: Lambang Negara

Modul 2 juga dinilai positif (Purata Min: 4.27), tetapi dengan corak yang berbeza. Item Q7 (Peningkatan Pengetahuan) mencatatkan Min: 4.38. Item ini merupakan kekuatan terbesar Modul 2, malah lebih tinggi daripada Modul 1. Ini secara jelas menunjukkan bahawa modul ini sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat fakta tentang simbol-simbol negara seperti bendera, jata, lagu kebangsaan, dan bunga kebangsaan. Ia berjaya pada tahap kognitif.

Manakala item Q10 (Kesan terhadap Identiti Kebangsaan) mencatatkan Min: 4.18. Inilah titik perbezaan yang paling ketara. Walaupun masih positif, skor ini jauh lebih rendah berbanding Modul 1 (4.39). Lebih membimbangkan, sisihan piawai untuk item ini adalah yang tertinggi (0.70), menunjukkan ketidaksekataan yang lebih besar dalam tanggapan peserta. Sebahagian peserta mungkin merasakan modul ini berjaya membina identiti, manakala sebahagian yang lain tidak merasakan kesan yang mendalam.

Perbandingan Kritikal antara Modul 1 dan Modul 2

Perbezaan prestasi antara kedua-dua modul, terutamanya bagi item Q10, mencadangkan satu hipotesis penting: Modul 1 berjaya mentransformasikan pembelajaran kepada penghayatan identiti, manakala Modul 2 mungkin terkandas pada peringkat penyampaian pengetahuan.

Modul 1 yang berfokus pada pembentukan identiti kebangsaan adalah berorientasikan naratif dan afektif. Kandungannya yang meliputi sejarah, perjuangan, dan nilai-nilai perpaduan lebih mudah disampaikan melalui penceritaan (*storytelling*) dan pengalaman simulasi yang memberi pengalaman perasaan dan emosi. Ini membolehkan peserta “merasa” dan “menghayati” erti menjadi rakyat Malaysia.

Sementara Modul 2 (Lambang Negara) lebih berorientasikan faktual dan kognitif. Kandungan tentang simbol mungkin diajar dengan lebih bersifat hafalan dan penerangan langsung. Tanpa aktiviti yang mendorong refleksi peribadi tentang makna simbol-simbol tersebut dalam konteks kehidupan mereka, pengetahuan itu sukar untuk ditransformasikan menjadi sebahagian daripada jati diri.

Analisis Data Kualitatif

Analisis tematik terhadap maklum balas terbuka menghasilkan tiga tema utama yang memberikan konteks dan kedalaman kepada angka-angka kuantitatif.

Tema 1: Penerimaan Positif dan Pengiktirafan terhadap Kepentingan Modul

Seperti yang ditunjukkan oleh skor min yang tinggi, nada maklum balas secara keseluruhan adalah sangat positif.

- *"(Modul ini) Dapat memperkembangkan pengetahuan saya (mengenai sejarah pembinaan Negara)"*
- *"Dapat membezakan (keadaan) semasa dan sejarah (maklumat disebalik simbol dan lambang Negara)"*

Komen-komen ini menunjukkan bahawa modul-modul ini berjaya memenuhi satu keperluan pendidikan yang mungkin terabai dalam pendidikan formal, iaitu mewujudkan hubungan emosi dengan negara.

Tema 2: Aktiviti Interaktif sebagai Pemangkin Penglibatan dan Penghayatan

Tema ini menyokong secara langsung skor tertinggi bagi Q6 dalam kedua-dua modul. Peserta secara aktif memuji pendekatan hands-on.

- *"Seronok sangat tapi kalah"*
- *"permainan teka lakonan tu boleh di perbanyakkan lagi. Very academically fun!"*

Ini menunjukkan bagaimana aktiviti kreatif menggalakkan internalisasi nilai.

Tema 3: Keperluan untuk Kaedah Pengajaran yang Lebih Kreatif dan Dinamik

Walaupun aktiviti sedia ada dipuji, terdapat permintaan yang kuat untuk lebih banyak inovasi.

- *"Membina lebih banyak "game" yang menarik. "*
- *"Menyediakan banyak lagi aktiviti yang menarik dan seronok"*
- *"buat macam treasure hunt bestt"*

Cadangan-cadangan ini selari dengan kajian lepas (Hariri et al., 2020) dan menunjukkan bahawa peserta sendiri sedar tentang kaedah pembelajaran yang paling berkesan untuk mereka.

Pemerhatian Khas: Fenomena Maklum Balas "Tiada"

Sebanyak 30% daripada borang soal selidik mempunyai bahagian komen yang hanya diisi dengan "Tiada," "Takde" atau dibiarkan kosong. Fenomena ini memerlukan tafsiran yang berhati-hati. Ia mungkin menunjukkan:

1. Kepenatan Responden: Soal selidik yang terlalu panjang atau diisi pada akhir sesi yang memenatkan.
2. Kekangan Masa: Peserta tidak diberi masa yang mencukupi untuk refleksi yang mendalam.

3. Budaya Tidak Berkritik: Keengganan untuk memberikan maklum balas yang negatif atau kritikal secara bertulis, terutamanya dalam suasana yang agak formal.
4. Kepuasan Dasar (*Baseline Satisfaction*): Mereka berpuas hati tetapi tidak mempunyai cadangan spesifik untuk dinyatakan.

Walau bagaimanapun, ini merupakan satu peluang yang terlepas untuk mendapatkan maklum balas yang membina dan menandakan keperluan untuk memperbaiki mekanisme pengumpulan maklum balas.

Ringkasan Analisis Kajian

Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan bahawa kedua-dua modul yang dikaji menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi dalam mencapai objektif pembelajaran yang dirancang. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua modul ini berperanan besar dalam meningkatkan pengetahuan serta kemahiran kenegaraan peserta, khususnya dalam memahami konsep jati diri, patriotisme, dan tanggungjawab sebagai warganegara. Penerimaan yang amat positif daripada peserta menggambarkan bahawa pendekatan dan kandungan modul ini relevan dengan keperluan generasi muda masa kini, yang cenderung kepada pengalaman pembelajaran yang bersifat aktif dan bermakna.

Modul 1 jelas menonjol dalam dimensi afektif apabila berjaya membina semangat patriotik serta memperkukuh identiti kebangsaan melalui pelbagai aktiviti naratif dan interaktif. Keberkesanan Modul 1 ini menunjukkan bahawa pembentukan jati diri nasional memerlukan pendekatan yang menyentuh aspek emosi dan nilai, bukan sekadar penyampaian maklumat faktual. Sebaliknya, Modul 2 lebih menonjol dari segi keberkesanan kognitif apabila ia berjaya meningkatkan kefahaman peserta terhadap pengetahuan asas dan simbol-simbol kenegaraan seperti bendera, jata negara, dan lagu kebangsaan. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa modul ini kurang berjaya menterjemahkan pengetahuan tersebut kepada penghayatan identiti yang lebih mendalam. Peserta memahami makna simbol-simbol kebangsaan, namun tidak semestinya mengaitkannya dengan rasa kepemilikan dan kebanggaan terhadap negara. Keadaan ini mencerminkan adanya jurang dalam reka bentuk pedagogi modul, di mana fokus lebih tertumpu kepada aspek fakta dan maklumat berbanding pendekatan emosi dan pengalaman reflektif yang boleh memperkukuh makna simbol tersebut dalam diri peserta.

Selain itu, analisis juga menegaskan bahawa aktiviti interaktif merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan keseluruhan modul. Aktiviti yang melibatkan aktiviti kumpulan, permainan berasaskan senario, dan aktiviti lapangan terbukti meningkatkan penglibatan peserta serta membantu mereka memahami isi kandungan dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, maklum balas peserta menunjukkan keinginan terhadap variasi aktiviti yang lebih kreatif dan bersifat kontemporari. Pendekatan ini dianggap mampu meningkatkan motivasi serta menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan relevan dengan gaya pembelajaran generasi muda.

Akhir sekali, mekanisme maklum balas yang digunakan dalam pelaksanaan modul didapati masih mempunyai kelemahan. Walaupun terdapat ruang untuk peserta memberikan pandangan dan cadangan, mekanisme tersebut mungkin tidak cukup berstruktur atau menarik untuk mendorong peserta berkongsi maklum balas yang benar-benar kritikal dan membina. Ini menimbulkan cabaran kepada penyelidik dalam menilai aspek-aspek yang memerlukan penambahbaikan secara menyeluruh. Maka, satu sistem maklum balas yang lebih terbuka, reflektif, dan interaktif perlu diwujudkan.

Kesimpulannya, analisis ini menunjukkan bahawa kedua-dua modul yang dikaji memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran kenegaraan dalam kalangan belia. Namun, keberkesanan jangka panjangnya bergantung kepada kemampuan modul-modul ini menyeimbangkan aspek kognitif dan afektif, memperkaya variasi aktiviti, serta memperkukuh mekanisme maklum balas yang lebih dinamik. Penemuan-penemuan ini menjadi asas penting bagi perbincangan seterusnya yang akan meneliti implikasi teoritikal dan praktikal bagi penambahbaikan reka bentuk modul di masa hadapan.

PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini mensintesis dan mentafsir penemuan terperinci dari dapatan analisis kajian dengan merujuk secara kritis kepada rangka kerja teoritikal dan kajian lepas yang dibentangkan dalam sorotan literatur. Perbincangan akan mengupas implikasi dapatan kajian, menjawab persoalan penyelidikan, dan menghubungkan titik-titik antara data kuantitatif, kualitatif peserta, dan landasan akademik.

Mengurai Keunggulan Afektif Modul 1

Penemuan yang paling ketara dalam kajian ini ialah prestasi konsisten Modul 1 (Pembentukan Identiti Kebangsaan), terutamanya dalam membina semangat patriotik (Q9: 4.36) dan seterusnya mengukuhkan identiti kebangsaan (Q10: 4.39). Kejayaan ini bukanlah suatu kebetulan tetapi dapat dijelaskan melalui lensa teori konstruktivisme sosial Vygotsky (1978) dan teori komuniti terbayang Anderson (2020).

Modul 1, yang berfokus pada naratif sejarah, perjuangan kemerdekaan, dan konsep perpaduan, secara semula jadi disampaikan melalui cerita (*storytelling*). Naratif-naratif ini berfungsi sebagai “alat budaya” yang berkesan, membolehkan peserta membina pemahaman tentang negara melalui interaksi sosial dalam aktiviti seperti simulasi sejarah dan lakonan. Proses ini adalah manifestasi langsung konstruktivisme sosial di mana pengetahuan dan penghayatan dibina secara aktif dan kolektif. Naratif bersama ini merupakan bahan binaan asas bagi “komuniti terbayang” Malaysia, di mana rasa kekitaan dihasilkan bukan melalui paksaan, tetapi melalui penglibatan emosi dalam kisah-kisah kenegaraan (Anderson, 2020).

Oleh itu, skor tinggi Q6 (Keberkesanan Aktiviti) dan Q10 untuk Modul 1 adalah dua sisi daripada syiling yang sama: aktiviti interaktif yang berasaskan naratif merupakan saluran efektif untuk mentransmisikan nilai-nilai afektif patriotisme dan identiti.

Menganalisis Jurang dalam Modul 2

Sebaliknya, Modul 2 (Lambang Negara) mendedahkan satu jurang pedagogi yang perlu diambil perhatian. Walaupun modul ini paling berkesan dalam menyampaikan pengetahuan fakta (Q7: 4.38), ia merupakan yang paling lemah dalam mempengaruhi pembentukan identiti kebangsaan (Q10: 4.18). Sisihan piawai yang lebih tinggi untuk Q10 (0.70) juga menunjukkan bahawa kesannya tidak konsisten dan lebih bergantung pada cara fasilitator menyampaikannya.

Penemuan ini secara langsung menyokong dan sekaligus mencabar hujah Banks (2006) mengenai literasi simbolik. Modul 2 berjaya pada peringkat pertama literasi simbolik, iaitu ‘mengenal’ dan ‘memahami’ makna literal simbol (contohnya, 14 jalur mewakili 13 negeri dan Wilayah Persekutuan). Namun, ia mungkin gagal membawa peserta ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu ‘menghayati’ dan ‘menginternalisasikan’ nilai-nilai di sebalik simbol tersebut. Maklum balas kualitatif peserta, seperti “kalau boleh sampaikan secara lebih detail, dan lebih jelas semasa menerangkan tentang sejarah” dan keinginan untuk memahami “tidak jelas. Mohon sampaikan arahan dengan jelas.” membuktikan jurang ini.

Kegagalan ini berkemungkinan berpunca daripada pendekatan pengajaran yang lebih bersifat transmisi (penyampaian maklumat sehalu) berbanding konstruktivis untuk modul ini. Pengetahuan tentang simbol disampaikan sebagai satu set fakta statik untuk diingat, bukannya sebagai konsep dinamik untuk direnungkan dan dikaitkan dengan pengalaman peribadi. Ini menjawab mengapa terdapat sedikit variasi dalam keberkesanan antara dua Modul ini. Variasi itu wujud terutamanya dalam keupayaan modul untuk menyentuh dimensi afektif.

Konstruktivisme dan Literasi Simbolik dalam Amalan

Cadangan kualitatif peserta untuk lebih banyak bentuk aktiviti pembelajaran bukan sekadar keinginan untuk berseronok. Ia adalah, secara tidak sedar, cetusan ke arah pedagogi konstruktivis dan literasi simbolik yang lebih autentik. Apabila peserta mencadangkan “permainan teka lakonan tu boleh diperbanyakkan lagi”, mereka sebenarnya mencadangkan bentuk aktiviti yang membolehkan mereka

untuk membina makna peribadi terhadap elemen kenegaraan, lalu mencapai tahap penghayatan yang lebih tinggi (Banks, 2006).

Oleh itu, dapatan kajian ini memperkuat lagi kajian Hariri et al. (2020); Ismail et al. (2019) yang menyeru pendekatan partisipatif dan kreatif. Ia memberikan bukti empirikal yang spesifik: inovasi yang dicadangkan oleh peserta itu sendiri adalah selari dengan amalan pedagogi terbaik yang disarankan oleh sarjana. Ini menunjukkan bahawa suara peserta merupakan sumber yang sangat bernilai untuk pembaharuan kurikulum.

Implikasi Teoritik dan Praktikal

Kajian ini mengukuhkan teori konstruktivisme sosial sebagai rangka kerja yang unggul untuk merangka program pembinaan identiti nasional. Keberkesannya bergantung pada penciptaan ruang untuk interaksi sosial dan pembinaan makna yang aktif.

Ia juga memperhalusi teori literasi simbolik Banks (2006) dengan menunjukkan secara empirikal bahawa tahap ‘penghayatan’ tidak tercapai secara automatik setelah tahap ‘pengetahuan’ dicapai. Jurang antara kedua-duanya perlu diisi dengan sengaja melalui reka bentuk instruksional yang reflektif dan kontekstual.

Perkara ini dapat dilihat secara praktikal melalui Modul 2 (Lambang Negara). Pendekatan pengajaran untuk Modul 2 ini perlu beralih daripada “apa” (*what*) kepada “mengapa” (*why*) dan “bagaimana” (*how*). Sebagai contoh, daripada menghafal maksud Jata Negara, peserta boleh terlibat dalam perbincangan atau projek tentang bagaimana nilai-nilai seperti keadilan dan ketekunan dalam Jata itu diamalkan dalam komuniti hari ini. Oleh itu, jurulatih perlu dilatih untuk menjadi pemudah cara (*facilitator*), bukan sekadar penyampai maklumat (*instructor*). Mereka memerlukan *toolkit* pedagogi termasuk semua peralatan pengurusan aktiviti untuk membantu peserta menghubungkan jurang antara pengetahuan dan penghayatan.

Selain itu, fenomena maklum balas “Tiada” menunjuk kepada keperluan untuk kaedah pengumpulan maklum balas yang lebih proaktif. Ini termasuk sesi *debriefing* terpandu secara berkumpulan kecil, atau penggunaan platform maklum balas digital yang mudah dan menarik, untuk menggalakkan refleksi yang lebih mendalam.

Keterbatasan Kajian

Seperti semua penyelidikan, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Pertama, sampel kajian yang seramai 124 orang, walaupun mewakili, adalah dari kumpulan kecil rintis PLKN 3.0 berbanding dengan jumlah sebenar keseluruhan peserta PLKN, yang mungkin mengehadkan generalisasi dapatan. Kedua, kajian ini bergantung kepada laporan sendiri (*self-report*) peserta, yang mungkin dipengaruhi oleh keinginan untuk memberikan jawapan yang diinginkan (*social desirability bias*) atau kesan segera selepas program (*halo effect*). Ketiga, reka bentuk kajian ini adalah keratan rentas (*cross-sectional*), yang menangkap persepsi pada satu titik masa. Ia tidak dapat mengukur ketahanan (*sustainability*) kesan peningkatan patriotisme dan identiti ini dalam jangka panjang. Akhir sekali, kajian ini tidak meneliti perbezaan persepsi berdasarkan demografi seperti etnik, latar belakang, dan lokasi geografi dengan mendalam, yang mungkin memberikan dimensi analisis yang lebih mendalam.

Rumusan Perbincangan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa Modul 1 secara konsisten lebih berkesan, khususnya dalam memupuk semangat patriotik dan memperkuat identiti kebangsaan. Kejayaan ini dikaitkan dengan pendekatan pedagogi berasaskan naratif, aktiviti interaktif dan pembelajaran sosial yang selari dengan teori konstruktivisme sosial serta konsep komuniti terbayang. Sebaliknya, Modul 2 didapati berkesan dari aspek penyampaian pengetahuan fakta berkaitan simbol negara, namun kurang memberi impak terhadap dimensi afektif dan penghayatan identiti kebangsaan. Jurang ini dikenal pasti berpunca daripada pendekatan pengajaran yang lebih bersifat sehala dan berorientasikan hafalan, menyebabkan peserta sukar menginternalisasikan makna dan nilai di sebalik simbol kenegaraan. Maklum balas kualitatif peserta turut menegaskan keperluan kepada kaedah penyampaian yang lebih jelas, reflektif dan kreatif.

Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan kepentingan pendekatan konstruktivis dan partisipatif dalam pendidikan kenegaraan, serta menegaskan bahawa penguasaan pengetahuan simbolik tidak secara automatik membawa kepada penghayatan nilai. Implikasi praktikal kajian mencadangkan penambahbaikan Modul 2 melalui aktiviti kontekstual, latihan fasilitator sebagai pemudah cara, dan kaedah maklum balas yang lebih reflektif. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini perlu ditafsir dengan berhati-hati memandangkan keterbatasan dari segi saiz sampel, reka bentuk keratan rentas dan kebergantungan kepada laporan sendiri peserta

PENUTUP DAN CADANGAN

Kajian ini secara jelas menunjukkan bahawa pengintegrasian elemen jati diri kebangsaan dalam program belia lepasan sekolah adalah satu usaha yang berbaloi dan berkesan. Kedua-dua Modul Pembentukan Identiti Kebangsaan dan Modul Lambang Negara dalam PLKN berjaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan semangat patriotik dalam kalangan peserta belia. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendedahkan bahawa semua modul tidak dicipta sama; keberkesanannya dipengaruhi oleh kedalaman kandungan, pendekatan pedagogi, dan keupayaan untuk menyentuh dimensi afektif peserta.

Berdasarkan penemuan ini, beberapa cadangan diketengahkan:

1. Cadangan untuk Penambahbaikan Kurikulum: Modul 2 (Lambang Negara) perlu disemak dan ditambahbaik untuk menjadikannya lebih interaktif, reflektif, dan berkait dengan kehidupan kontemporari belia. Pendekatan bercerita (*storytelling*) dan pembelajaran berasaskan projek boleh dipertimbangkan.
2. Cadangan untuk Amalan Pedagogi: Jurulatih harus digalakkan dan dilatih untuk menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, termasuk perbincangan, debat, dan ekspresi seni, untuk menggalakkan pemikiran kritis dan hubungan emosi dengan kandungan.

Kesimpulannya, ketika Malaysia terus bergerak ke hadapan dalam abad ke-21, program seperti PLKN yang memupuk warganegara yang berpengetahuan, berkemahiran, dan patriotik adalah lebih penting daripada sebelumnya. Dengan komitmen terhadap penilaian berterusan dan penambahbaikan berasaskan bukti, program ini dapat disempurnakan untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam membentuk masa depan negara yang bersatu padu dan makmur.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam aktiviti ini secara langsung atau tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Anderson, B. (2020). Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nationalism. Dalam *The new social theory reader* (pp. 282-288). Routledge.
- Balakrishnan, V. (2013). Penilaian Program Latihan Khidmat Negara Dari Perspektif Pelatih: Satu Kajian Kes. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 28.
- Banks, J. A. (Ed.). (2006). Diversity and citizenship education: Global perspectives. John Wiley & Sons.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage.
- Farnen, R. F. (Ed.). (2017). *Nationalism, ethnicity, and identity: Cross national and comparative perspectives*. Routledge.

- Hariri, H., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2020) Strategi Pengajaran Sejarah untuk Penerapan Elemen Sivik Dan Pemupukan Nilai Sivik Pelajar Sekolah Menengah Pelbagai Aliran. *Educational Development & Innovative Technological Applications for Improving Societal Wellbeing*, 262.
- Heater, D. (2004). *A history of education for citizenship*. RoutledgeFalmer.
- Hoskins, B., Saisana, M., & Villalba, C. M. H. (2012). *Measuring civic competence in Europe*. European Commission Joint Research Centre.
- Ismail, M. M., Noor, M. M., & Othman, Z. (2016). Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Wadah Baru Sosialisasi Politik. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), 28-36.
- Ismail, M. M., Othman, Z., Hassan, N. A., Abdullah, N. H., Abdullah, A., & Zan, U. M. (2019). Nation-building among youths in Malaysia: The Civic education approach. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 390-409.
- Jabatan Latihan Khidmat Negara. (2023). *Pelan Pelaksanaan PLKN 3.0*. Putrajaya: Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kerr, D. (2009). *Citizenship education in the curriculum: An international review*. International Journal of Citizenship and Teacher Education, 5(1), 40–56.
- Mahathir, M. (2010). *The Malay dilemma revisited*. Pelanduk Publications.
- Print, M. (2007). *Citizenship education and youth participation in democracy*. British Journal of Educational Studies, 55(3), 325–345.
- Shamsul, A. B. (2013). Nations-of-intent in Malaysia. In *Asian forms of the nation* (pp. 323-347). Routledge.
- Smith, A. D., & Smith, A. (2013). *Nationalism and modernism*. Routledge.
- UNESCO. (2015). *Global citizenship education: Topics and learning objectives*. Paris: UNESCO Publishing.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press.
- Zakaria, J., Yaakob, A. F., & Zawawi, H. Y. (2022). Social cohesion for community development in Malaysia: Impact to national integration. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 1293-1305.